

Ruj. Kami : TTdC/WLD/SDUTmnAorMesra-HUSB/Y25  
Tarikh : 6hb. Feb 2025

Melalui

**Koridor Utiliti Darul Ridzuan**

B-G-11, Greentown Suria, Jln Dato Seri Ahmad Said,  
Kampung Kastam Greentown,  
30450 Ipoh, Perak

Kepada

**Jabatan Kejuruteraan**

Majlis Perbandaran Taiping  
Jalan Taming Sari  
34000 Taiping  
**Perak Darul Ridzuan**

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN DAN KELULUSAN PERMIT PENGOREKAN RIZAB JALAN UNTUK TUJUAN PEMASANGAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI DI DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING, PERAK.**

**Lokasi : Jalan Masjid dan Lorong AM 19,11,15,16,17,20,21**  
**Kaedah**  
**Pengorekan : Tanam Tiang (95 unit), Microtrenching (4m)**  
**Lurang Baharu (2 unit).**

---

Kami merujuk kepada perkara di atas.

Untuk makluman tuan pihak kami sedang dalam proses untuk menyediakan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi di kawasan Taman Simpang Makmur, Taiping.

Pemasangan kabel fiber optik kami adalah melalui kaedah pemasangan tiang telekomunikasi sebanyak 95 unit dan juga kaedah Microtrenching (4m ) serta Dua (2) unit lurang baharu akan ditanam.

Sehubungan itu pihak kami perlu memasang tiang setinggi 7.5m di beberapa lokasi dan lorong belakang (backlane) rumah seperti yang tunjukkan dalam pelan yang dilampirkan. Untuk maklumat terperinci, pihak tuan boleh merujuk kepada **LAMPIRAN 1** yang disertakan bersama-sama ini.

Bersama-sama ini kami sertakan dokumen berikut untuk rujukan dan kelulusan tuan;

- salinan pelan cadangan laluan pembinaan
- Lampiran 1
- Gambar-gambar yang berkaitan

Kerjasama dan kelulusan awal daripada pihak tuan amat diperlukan dan dihargai. Sekiranya tuan memerlukan maklumat lanjut berkaitan dengan permohonan ini, pegawai tuan boleh menghubungi Mohd Faizul Bin Padli di talian 013-7555693.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,  
**TT dotCom Sdn Bhd**

bp



**INDERJIT SINGH A/L SANTOKH SINGH**  
Ketua  
Wayleave & Strategic Alliance